



INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES, PHILOSOPHY AND LANGUAGE (IJHPL)

www.ijhpl.com



AKHLAK PEMIMPIN BERDASARKAN TEKS SULALATUS SALATIN

THE MORAL OF LEADERS BASED ON TEXTS IN SULALATUS SALATIN

Norazimah Zakaria^{1*}, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi², Siti Faridah Leong Abdullah³

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

³ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: ctfrida@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.04.2021

Revised date: 15.04.2021

Accepted date: 30.04.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Zakaria, N., Hanapi, M. H. M., & Abdullah, S. F. L. (2021). Akhlak Pemimpin Berdasarkan Teks Sulalatus Salatin. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (14), 16-27.

DOI: 10.35631/IJHPL.414002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka telah dinukilkan dalam *Sulalatus Salatin*, yang bermakna Salsilah Sultan-sultan. Teks karya ini diperakui sebagai sebuah karya agung dan dijadikan rujukan para sarjana dalam pelbagai kajian mengenai Empayar Melaka. Sehingga ke hari ini, teks ini masih dikaji memandangkan khazanah maklumat yang dikandunginya masih banyak belum diterokai. Objektif makalah ini ialah mengenal pasti dan menghuraikan akhlak pemimpin Kesultanan Melayu Melaka yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin* melalui Teori Takmilah. Kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis deskriptif teks berdasarkan Teori Takmilah akan digunakan dalam kajian ini. *Sulalatus Salatin* mengandungi tatacara membentuk seorang pemimpin, ia sarat dengan ilmu kepimpinan dan ilmu lain yang berkaitan seperti pentadbiran. Teks ini juga membimbing dengan pesanan serta memberi contoh nilai yang khusus dimiliki oleh sesuatu masyarakat tertentu. Justeru pengisahan dalam *Sulalatus Salatin* telah digarap dengan begitu halus dan indah. Dari sudut sastera, *Sulalatus Salatin* diiktiraf sebagai ensiklopedia ilmu, yang mendokumentasikan pengalaman dan cita-cita sesuatu bangsa, iaitu bangsa Melayu. Cita-cita bangsa yang didukung telah berjaya direalisasikan oleh beberapa raja-raja Kesultanan Melayu Melaka dalam zaman pemerintahannya dengan jayanya. Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi empayar dan pusat Islam yang gemilang selama dua abad.

Kata Kunci:

Sulalatus Salatin, Teori Takmilah, Sastera, Karya Agung

Abstract:

The grandeur of the Malaccan Malay Sultanate was written in *Sulalatus Salatin*, a name that means the genealogy of the Sultans. This text has been acknowledged as a great work and was made the reference for scholars in various studies on the Malaccan Sultanate. Until this day the text is still being studied since there a great wealth of information that is yet to be explored. The objective of this paper is to identify and elaborate, by using the Takmilah Theory, morals of the leaders of the Malaccan Malay Sultanate written in *Sulalatus Salatin*. The qualitative method, which is the descriptive analysis method on a text that is based on the Takmilah Theory, will be used in this study. *Sulalatus Salatin* contains procedures in creating a leader; it is laden with knowledge on leadership and other related knowledge such as on administration. In addition, this text provides guidance by means of messages and also gives examples of specific values owned by a particular group of society. Hence the narrations in *Sulalatus Salatin* were written in an exquisite and outstanding manner. From the literary standpoint, *Sulalatus Salatin* was recognized as an encyclopedia of knowledge that documented experiences and aspirations of a nation, which are the Malays. The ambitions of the nation which were upheld were successfully realised by several reigning rulers of the Malaccan Malay Sultanate. The Malaccan Malay Sultanate has become an empire and the prominent centre of Islam for two decades.

Keywords:

Sulalatus Salatin, Taklimah Theory, Literature, Great Work

Pengenalan

Sulalatus Salatin juga dikenali sebagai Sejarah Melayu. Karya ini telah dikarang oleh Tun Sri Lanang ketika beliau menjadi Bendahara Paduka Johor bermula tahun 1580 hingga 1615. Beliau telah dilahirkan di Bukit Seluyut, Johor pada tahun 1565. Karya ini bergenre sastera sejarah yang mengandungi lima belas bab kesemuanya. Karya agung ini menceritakan tentang perihal zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke saat kejatuhannya. Karya ini dihasilkan agar keturunan yang akan datang dapat belajar daripada kesilapan leluhur mereka.

Walaupun karya ini berkisarkan tentang zaman pemerintahan raja-raja Kesultanan Melayu Melaka, karya ini tetap boleh dijadikan panduan hidup serta mendidik masyarakat pada hari ini. Pelbagai nilai Melayu yang tergambar dalam karya ini seperti falsafah nilai dan etika, kepimpinan, waadat, estetika, bahasa, agama dan banyak lagi. Masyarakat Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang bijak mendidik serta mementingkan keagamaan, dan nilai estetika yang menjadi keutamaan ialah estetika dari segi adab dan adatnya, estetika dari segi retoriknya dan sebagainya. Selain itu terdapat juga nilai Melayu yang melihat tentang etika dan kepimpinan dalam Masyarakat Melayu.

Kepentingan *Sulalatus Salatin* telah dikupas oleh Norazimah Zakaria (2017) dalam kajiannya yang menyatakan *Sulalatus Salatin* harus menjadi “Cermin kepada cermin”, iaitu kitab utama yang akan dipetik dan diulang rujuk dalam sistem sastera tradisional Melayu. Dapatan kajian menyatakan bahawa *Sulalatus Salatin* didapati telah dijadikan rujukan utama hikayat-hikayat

Melayu selepasnya. Kandungan serta falsafah *Sulalatus Salatin* amat mempengaruhi teks-teks lain, seperti *Hikayat Melayu* yang mengisahkan kesinambungan salasilah raja-raja Melayu seperti Raja Kecil Siak dan beberapa teks sastera sejarah yang lain.

Sorotan Literatur

Norazimah Zakaria (2016) aspek kepengarangan; Salmah Jan Noor Muhammad (2018) diplomatik; Mardiana Nordin (2015) peperangan telah membuat kajian tentang teks *Sulalatus Salatin*. Norazimah Zakaria (2016), telah membincangkan teks *Hikayat Melayu*, iaitu versi panjang *Sulalatus Salatin* yang melihat daripada aspek kepengarangan manakala Mardiana Nordin (2015) melihat strategi peperangan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* dan Salmah Jan Noor Muhammad (2018) pula membincangkan aspek hubungan diplomatik yang terdapat dalam teks historiografi Melayu pada zaman kesultanan Melayu Melaka.

Di antara kajian lepas yang telah mengangkat Teori Takmilah sebagai paksi penilaian termasuklah Abdul Halim Ali (2009) dalam tesis doktor falsafahnya, *Konsep Estetika Bersepadu : Terapan Dan Analisis Terhadap Karya-karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah*. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis puisi-puisi hasil karya Ahmad Kamal Abdullah dengan mengaplikasikan pendekatan Estetika Bersepadu. Manakala Maniyamin Haji Ibrahim (2009) pula melihat *Citra Takmilah : Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Kajian ini telah mengupas secara ilmiah mengenai citra manusia dalam puisi-puisi Melayu, khususnya puisi berunsurkan Islam hasil karya Abham T.R. dengan menggunakan Model Citra Takmilah iaitu gabungan Teori Takmilah dengan citra manusia.

Manakala Kamariah Kamarudin (2011) telah mengkaji *Novel-Novel Berunsur Islam : Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah* dan melihat kajian dan perbincangan mengenai keberkesanan pengarang novel Melayu menyampaikan konsep Islam dalam karya mereka. Perbincangan yang dikemukakan telah mengupas pemikiran dan falsafah pengarang dalam menangani teks mereka yang dikaitkan dengan konsep Islam seperti akidah, ibadah, dakwah, khalifah dan jihad. Kamariah telah memperhalus konsep tersebut dengan penghuraian aspek-aspek yang berkaitan. Antara aspek yang dihuraikan ialah hubungan manusia dengan Allah SWT, keikhlasan sebagai satu ibadah, takwa yang menuntut kesabaran seorang Muslim, syukur demi memperoleh kenikmatan dengan sempurna, taubat sebagai kunci kemenangan seseorang Muslim, hubungan manusia dengan manusia akhlak yang menjadi punca kelakuan setiap manusia, ihsan iaitu usaha untuk beramal baik (amal makruf) dan tinggalkan perkara buruk (nahi mungkar).

Justeru berdasarkan sorotan literatur, maka Teori Takmilah telah membantu menilai mesej yang tersirat dalam yang tersurat, yakni dapat mengupas mesej apakah insan kamil dalam genre puisi. Dapatan ini membantu kajian akan datang dalam menggunakan Teori Takmilah untuk menilai mesej dalam karya sastera yang lain, seperti sastera sejarah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis deskriptif yang menggunakan Teori Takmilah sebagai landasan untuk menganalisis data kajian. Teori ini yang berlandaskan prinsip kesempurnaan dalam Islam telah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar (2000). Teori ini berdasarkan sifat ketuhanan yang Uluhiyyah dan Rubuhiyyah. Menurut Shafie, teori ini boleh digunakan untuk mengesan nilai keislaman dalam semua karya sastera. Dasar teori ini ialah kesempurnaan keindahan. Wajar ditegaskan, keindahan itu satu sifat Allah S.W.T Teori

Takmilah tidak dibina secara berasingan, tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan falsafah prinsip-prinsip keislaman itu sendiri.

Teori ini telah menggariskan tujuh prinsip untuk memperhalus Teori Takmilah; iaitu:

1. Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal – Sempurna.
2. Prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil – Sempurna.
3. Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal –Sempurna.
4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul – Menyempurnakan
5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah – Sempurna dan Menyempurnakan.
6. Prinsip sastera pengkarya yang seharusnya mengistimalkan diri – menyempurnakan diri.
7. Prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil – Sempurna.

Dalam kajian ini, hanya prinsip kedua sahaja iaitu berkaitan prinsip insan kamil yang akan digunakan kerana akan dihubungkan dengan akhlak pemimpin. Prinsip lain kurang sesuai digunakan bagi melihat aspek akhlak pemimpin yang ingin dikaji. *Sulalatus Salatin* telah dihasilkan pada zaman pemerintahan kerajaan Melaka yang diperintah oleh raja-raja Islam. Sebagai orang Islam, tindakan pemerintah harus berlandaskan ajaran Islam. Oleh demikian, tindakan pemerintah yang telah dicatatkan dalam *Sulalatus Salatin* harus dikaji dengan teori Islamik.

Kajian ini berpusat kepada Prinsip Teori Takmilah yang kedua iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil. Shafie Abu Bakar telah melahirkan teori Takmilah bertujuan untuk menyediakan landasan analisis teks yang mampu menyelongkar unsur estetika yang lebih syumul, tetapi juga untuk mengangkat teks-teks yang dihasilkan ‘berpahala’ dan diterima Allah sebagai salah satu amal ibadah .

Setiap insan yang dilahirkan telah ditakdirkan oleh Allah S.W.T untuk memainkan peranan sebagai dai (pendakwah) dalam menyebarkan agama Islam di mata dunia. Ini memerlukan manusia menjadi khalifah Allah SWT yang menegakkan Islam serta menyebarkannya ke seluruh dunia. Justeru itu, seseorang pemerintah wajar menjadi tonggak utama dan memainkan peranan dalam membawa agama Islam berkembang ke serata dunia.

Oleh demikian, sebagai khalifah, perlulah seseorang pemimpin Muslim berperwatakan mulia agar menjadi teladan dan ikutan rakyat. Perwatakan mulia itu merangkumi segala aspek akidah, ibadah dan akhlak yang berpegang kepada satu konsep utama iaitu tauhid, yakni mengesakan Allah SWT. Oleh itu, teks *Sulalatus Salatin* akan dikaji dengan panduan Islam untuk melihat nilai-nilai Islamik yang telah diterapkan. Nilai menurut perspektif Islam ditakrifkan sebagai ukuran piawai kepada manusia untuk mempertimbangkan sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, memudaratkan, atau tercela. Dalam ruang lingkup Islam, setiap bidang komponen keperluan manusia adalah terikat dengan konsep pandangan tauhid. Prinsip kerasulan yang digariskan Shafie Abu Bakar berpaksikan kepada sifat Kamil yang ada pada Rasulullah S.A.W. yakni manusia adalah sebaik-baiknya kejadian dan seterusnya mempunyai pemimpin yang dapat melaksanakan perintah Allah S.W.T.

Menurut Shafie Abu Bakar (2000), Prinsip Kerasulan ini mengemukakan idea keinsanan yang bersifat kamil (sempurna, lengkap). Di sini, sastera berperanan meningkatkan kualiti

keinsanan, sastera menjadi pemangkin membentuk insan khalifah (pemimpin) dan rabbani (dekat dengan Tuhan). Sastera dilihat berfungsi sebagai alat mendidik pembaca. Prinsip ini menjadikan Rasulullah model insan kamil kerana jiwanya yang paling dekat dengan Allah SWT. Perlu diambil kira tiga konsep insan ideal yang ada pada diri Rasulullah SAW. Yang pertama iaitu insan kamil, merujuk kepada keperibadian Rasulullah yang diakui ialah contoh individu yang terbaik pernah wujud. Insan khalifah merujuk kepada manusia sebagai Khalifah Allah SWT di muka bumi. Insan Rabbani pula merujuk kepada peningkatan ketakwaan manusia sebagai khalifah Allah SWT. Nabi Muhammad S.A.W. memiliki akhlak dan sifat-sifat yang sangat mulia. Oleh itu wajar dibincangkan sifat-sifat Nabi seperti Siddiq, Amanah, Fathonah, dan Tabligh. Mudah-mudahan dengan memahami sifat-sifat itu, ianya dapat membimbing kita agar dapat mengenali Rasulullah SAW dengan lebih dalam. Ini perlu untuk memahami Prinsip Teori Takmilah yang kedua, iaitu Prinsip Kerasulan.

Dapatan Kajian Unsur Pendidikan Melalui Akhlak Pemimpin

Sultan Mansur Syah (1456 -1477 M)

Sultan Mansur dikisahkan dalam *Sulalatus Salatin* sebagai sultan yang terbaik dalam sejarah Melaka, dan hanya dapat ditandingi oleh anak baginda yang bernama Sultan Alaud'Din Riayat Shah. Baginda juga tercatat sebagai antara penakluk yang muncul dalam sejarah Melayu. Kegemilangan yang dimulakan oleh ayahnya Sultan Muzaffar Syah itu diteruskan oleh baginda pada zaman pemerintahannya. Kisah Sultan Mansur banyak dicatatkan dalam *Sulalatus Salatin*, iaitu bermula daripada Bab 5 pada bahagian bertajuk Pemerintahan Sultan Mansur Syah sehingga ke Bab 8 pada bahagian Wasiat Sultan Mansur (*Sulalatus Salatin*, 1996).

Antara cerita yang mencerminkan diri Sultan Mansur Syah ialah kisah Kisah Anak Raja dihantar ke Pahang. Peristiwa ini dicatatkan dalam Bab 7 bahagian bertajuk Ditolak Bumi Melaka (*Sulalatus Salatin*, 1996). Cerita ini bermula dengan insiden Raja Muda Raja Muhammad telah menyebabkan Tun Besar, anak Paduka Raja meninggal dunia. Insiden yang dimaksudkan ialah Raja Muhammad bertindak menikam Tun Besar kerana bola raya sepakan Tun Besar terkena dan menjatuhkan destar baginda. Anak-anak buah Paduka Raja telah berkumpul dan mahu menderhaka untuk membalas dendam. Bendahara menentang hasrat tersebut tetapi bersumpah tidak mahu berajakan Raja Muhammad.

Baginda Sultan Mansur telah mempertimbangkan cadangan Bendahara, lalu Raja Muhammad untuk beraja di Pahang dengan gelaran Sultan Muhammad Syah. Urusan menghantar Raja Muhammad telah diberikan kepada Seri Bija Diraja. Di Pahang, Raja Muhammad telah berkahwin dengan Mengindera Puteri, cucu Sultan Iskandar, Sultan Kelantan. Baginda telah mendapat tiga orang anak iaitu Raja Ahmad, Raja Jamil dan Raja Mahmud. Tindakan Sultan Mansur memperlihatkan baginda seorang yang tidak mengamalkan nepotisme walaupun untuk ahli keluarga sendiri.

Dalam peristiwa menghantar Raja Muhammad ke Pahang selepas menikam anak Bendahara, baginda telah membuat keputusan dengan adil apabila baginda hanya bertindak setelah baginda mendengar penjelasan daripada semua pihak yang terlibat. Baginda telah menerima cadangan Bendahara tanpa bantahan kerana sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, baginda sedar nasihat Bendahara amat berasas. Apabila baginda mengambil tindakan setelah berunding dengan pembesar, baginda telah menunjukkan sikap pemimpin Islam. Sesungguhnya baginda telah mencontohi Rasulullah SAW yang banyak berunding dan bermesyuarat apabila hendak membuat keputusan yang penting.

Baginda telah mempamerkan sifat Insan Khalifah dalam mempertimbangkan kesan dan akibat antara mengikut cadangan Bendahara dengan membiarkan Raja Muhammad kekal sebagai bakal Sultan. Baginda sebenarnya amat mengasihi Raja Muhammad sehingga mengambil keputusan untuk menjadikan Raja Muhammad bakal sultan. Namun, baginda akui sekiranya diteruskan hasrat baginda, akan ada kemungkinan berlaku kekecohan dalam kalangan rakyat kerana baginda tidak bertindak adil.

Kisah lain yang berkaitan Sultan Mansur termasuklah kisah pembawaan masuk Kitab Duri'l-Mazlum oleh Maulana Abu Bakar. Sultan Mansur telah memuliakan beliau dan berguru dengannya (*Sulalatus Salatin*, A. Samad Ahmad, 1996). Usaha baginda mendapatkan kitab ini telah mencerminkan bahawa baginda seorang pencinta ilmu.

Tindakan Sultan Mansur Syah dalam peristiwa ini menunjukkan baginda bersifat Insan Rabbani, yakni bertindak sebagai seorang muslim yang menurut hadis iaitu setiap muslim wajib mencari ilmu. Baginda sedar keperluan untuk melengkapkan diri dengan ilmu keagamaan agar mampu menilai dari sudut agama, dan dapat memberikan keputusan yang adil. Baginda sedar, walaupun baginda pemerintah, namun terdapat beberapa perkara yang baginda belum kuasai sepenuhnya, iaitu ilmu keagamaan. Baginda telah menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang perlu menyebarkan ilmu kepada rakyat apabila baginda diminta dibawa kitab Duri'l-Mazlum ke Melaka.

Dengan kehadiran Maulana Abu Bakar dan juga kitab Duri'l-Mazlum, baginda telah menunaikan tanggungjawab menyebarkan ilmu dalam kalangan rakyatnya. Baginda telah berpandangan jauh apabila berusaha mendapatkan kitab ini. Baginda menunjukkan teladan dengan memuliakan kitab Duri'l-Mazlum yang dibawa ke Melaka, kerana baginda sedar; dengan ada kitab yang menerangkan hal agama, secara langsung baginda menyemai benih pengajian ilmu dalam kalangan masyarakat Melaka. Ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan pengetahuan; seterusnya peningkatan ketamadunan Melaka.

Salah satu akhlak Islamiah menurut Prinsip Kerasulan ialah sifat Rabbani. Sebagai seorang Muslim, baginda sultan wajib memuliakan guru. Peristiwa bagaimana baginda memuliakan guru agama wajar dicontohi kerana tindakan baginda ini berupa dakwah kepada rakyat Melaka mengenai kepentingan ilmu agama. Kisah ini wajar dijadikan contoh seorang pemimpin yang berusaha untuk menyampaikan dakwah.

Sultan Mansur telah mengambil inisiatif untuk berhubungan diplomatik dengan Siam. Dalam kisah Hubungan Baik-baik Melaka Siam (*Sulalatus Salatin*, 1996). Tugas membawa utusan sultan telah ditugaskan kepada Tun Telanai. Beliau telah diterima baik oleh pihak Siam, dan kembali dengan utusan balas yang positif daripada pihak tersebut. Jalinan hubungan diplomatik antarabangsa yang diteruskan dikisahkan dalam kisah Memohon Jajahan Sebelum Kembali dan Perhubungan dengan Negeri China (*Sulalatus Salatin*, 1996). Sultan Mansur Shah juga dikatakan telah datang ke Majapahit mengetuai bala askar serta hulubalang-hulubalang Melayu.

Walaupun kedatangan Sultan Mansur Shah ini sekadar lawatan, namun kekuatan bala tentera yang dipamerkan oleh Sultan Mansur telah menggentarkan pihak Majapahit, lalu Maharaja Majapahit ketika itu menyerahkan anak perempuannya yang bernama Raden Galoh Candra

Kirana sebagai isteri baginda. Majapahit turut menghadahkan Indragiri, Jambi, Tungkal and Siantan yang ketika itu berada di bawah kekuasaan Majapahit ke atas Melaka.

Antara hasil jalinan perhubungan ini ialah Sultan Mansur memperisterikan puteri-puteri kerajaan Majapahit dan China. Ini melambangkan bahawa strata Sultan Mansur setara dengan pemerintah kedua kerajaan tersebut. Kisah ini juga memperlihatkan bagaimana Sultan Mansur lebih mengutamakan kaedah perhubungan berdiplomasi berbanding ketenteraan.

Prinsip Kerasulan menekankan perlunya seseorang mampu memikul tanggung jawab sebagai Khalifah. Kebijaksanaan baginda dalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa lain telah melindungi Melaka daripada serangan-serangan pihak luar. Tindakan baginda ini wajar dijadikan contoh pemimpin yang bertolak ansur dan mengeratkan silaturrahim.

Catatan mengenai Sultan Mansur Syah banyak mengisahkan bagaimana di bawah baginda, kekuatan tentera Melaka tiada bandingannya. Kewibawaan Sultan Mansur sebagai penakluk diceritakan dalam kisah Sesudah Kampar, Siak Pula (*Sulalatus Salatin*, 1996). Panglima Melaka telah berjuang ke Siak dan berjaya menawan daerah tersebut. Sultan Mansur Shah juga telah meneruskan dasar perluasan kuasa yang dimulakan oleh ayahandanya dengan menghantar bala askar yang terdiri daripada 200 buah kapal ke arah Pahang (Inderapura) yang ketika itu diperintah oleh Maharaja Dewasura, iatu boneka yang dipasang oleh raja Siam untuk memerintah Pahang. 200 buah kapal yang dihantar oleh Sultan Mansur Shah yang diketuai oleh Tun Perak dan juga 12 orang Hulubalang Melaka.

Perang yang sengit berlaku antara Melaka dan Pahang dan akhirnya, Pahang tunduk kepada kekuasaan Melaka dan Siam yang ketika itu menjajah Pahang berjaya pula ditundukkan oleh Melaka. Negeri-negeri Melayu yang lain terkejut dengan kejayaan Melaka ini sehingga ada yang rela hati datang kepada Melaka dan rela menjadi naungan Sultan Mansur Shah. Selepas penewanan Melaka, antara kerajaan-kerajaan yang berjaya dimasukkan ke dalam Empayar Melaka oleh Sultan Mansur Shah ialah Bernam, Kampar, Siak, Rupa, Singapura, dan Bintan. Dari peperangan ini, Sultan Mansur Shah berkahwin dengan Puteri Onang Seri. Kisah peperangan ini telah memberi gambaran bahawa Sultan Mansur berkebolehan merancang strategi perang, yakni berperanan sebagai seorang panglima yang berani. Keberanian yang dipamerkan Sultan Mansur Syah menepati sifat Insan Khalifah Prinsip Kerasulan, iaitu sebagai seorang pemimpin dalam apa jua bidang, termasuk bidang ketenteraan.

Kisah terakhir berkaitan Sultan Mansur Syah ialah Wasiat Sultan Mansur, (*Sulalatus Salatin*, 1996). Ketika Sultan Mansur Syah hampir meninggal baginda telah mewasiatkan agar Raja Ahmad atau nama timangannya Raja Hussain dilantik menjadi sultan menggantikan baginda. Selain daripada mewasiatkan pengganti, baginda telah meninggalkan beberapa pesanan kepada Raja Hussain untuk dijadikan pedoman. Sultan Mansur telah menasihatkan Raja Hussain bahawa dunia tidak kekal, setiap yang hidup akan mati. Oleh itu, harus diteguhkan iman agar sempurna dan menjaga pekerti yang baik supaya kekal disebut orang. Harulah Raja Hussain bersikap adil dan saksama. Sewajarnya Raja Hussain menghindarkan diri daripada mengambil hak orang tanpa izin, dan jangan lalai daripada tugas yang dihadapi. Setiap kesukaran atau kesakitan rakyat hendaklah ditolong, dan setiap yang teraniaya disiasat. Seseorang pemerintah wajar bermuafakat dengan menteri dan orang besar. Wasiat ini harus dipatuhi agar diberkati.

Sifat Insan Rabbani yang bijak ialah individu yang memastikan urusan selepas ketiadaannya tidak bercelaru dengan menyediakan wasiat. Wasiat ini telah menunjukkan bahawa Sultan Mansur Syah seorang yang berpandangan jauh. Baginda sedar, dengan mewasiatkan siapa penggantinya, baginda dapat mengelakkan berlakunya perebutan kuasa dalam kalangan waris – warisnya kelak.

Tindakan Sultan Mansur Syah yang meninggalkan wasiat berbentuk nasihat untuk penggantinya, iaitu Sultan Alaud'din Riayat Syah; menunjukkan Sultan Mansur Syah sedar bahawa baginda perlu meninggalkan garis panduan pengajaran pemerintahan untuk anaknya, seorang bakal pemerintah.

Sultan Alau'd-Din Riayat Syah (1477 – 1488 M)

Sultan Alau'd-Din adalah sultan Melaka yang ketujuh Baginda disebut dalam *Sulalatus Salatin* sebagai pencetus kebangkitan kegemilangan Melaka. Pemerintahan baginda selalu disamakan dengan pemerintahan Khalifah Umar Al-Khatab. Baginda dikisahkan sebagai seorang pemerintah yang bertindak sendiri dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Banyak berlaku kecurian di Kota Melaka pada peringkat awal pemerintahan baginda. Maka pada setiap malam, baginda selalu menyamar menjadi rakyat biasa dan menangkap pencuri yang bermaharajalela. Baginda sultan yang sangat mengambil berat keadaan rakyatnya.

Kisah baginda yang luar biasa ini didokumentasikan sebagai Pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah dan Langkah Membasmi Pencuri (*Sulalatus Salatin*, 1996). Apabila berita bahawa dalam negeri banyak berlaku kes kecurian, baginda sendiri telah keluar meronda bersama Hang Isap dan Hang Ishak. Baginda sendiri telah berjaya menangkap dan membunuh orang pencuri itu. Tindakan baginda telah menyebabkan Temenggung Seri Maharaja mengetatkan kawalan. Sesiapa yang dijumpai berjalan malam dibunuhnya dan membuatkan kes pencurian berjaya dibanteras. Sebuah balai dibina di simpang empat di tengah negeri. Seorang penghulu ditugaskan berkawal di situ. Sesiapa yang menjumpai harta orang hendaklah dipulangkan kerana jika tidak maka tangannya akan dikerat. Setiap barang yang dijumpai akan dihantarkan ke balai. Kisah ini telah menggambarkan ketegasan Sultan Alau'd-Din sebagai seorang pemerintah. Baginda juga digambarkan sebagai seorang yang tidak gemar melepaskan tanggungjawab kepada orang lain.

Kisah Sultan Alau'd-Din sendiri menangkap pencuri kerap dijadikan cerita teladan bagaimana perlunya seseorang pemerintah berhubung rapat dengan rakyat agar pemerintah tersebut mengenali rakyatnya, dan memahami masalah yang dihadapi golongan bawahan. Tindakan baginda ini mengikut Prinsip Kerasulan dapat digolongkan dalam bersikap tabligh, kerana menjadi contoh kepada generasi pemimpin baharu, iaitu pemimpin memimpin kerana dilantik rakyat untuk memimpin. Kisah seorang sultan sanggup menangkap pencuri dengan tangannya sendiri, sedangkan di belakangnya terdapat bala askar yang terbaik pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Tindakan sultan tersebut menunjukkan baginda sultan yang sangat tawaduk dan sentiasa berpegang teguh dengan amanah yang dijunjungnya.

Ketegasan Sultan Alau'd Din tercatat lagi dalam kisah Membunuh tanpa memaklumkan Melaka (*Sulalatus Salatin*, 1996). Sultan Ibrahim di Siak telah menitahkan dibunuh seorang pesalah tanpa memaklumkan terlebih dahulu ke Melaka. Pada masa itu, tidak dibenarkan hukuman bunuh dalam taklukan Melaka melainkan dengan pengetahuan Sultan Melaka. Apabila hal ini diketahui Sultan Alau'd-Din, baginda telah menghantar Hang Tuah untuk 'menegur' perbuatan Sultan Ibrahim. Menyedari kesilapannya, Sultan Ibrahim telah

mengirimkan surat memohon kemaafan daripada Sultan Alau'd-Din. Peristiwa ini mengikut Prinsip Kerasulan mengisahkan Sultan Alau'd-Din sebagai seorang yang kaya Insan Rabbaninya. Kisah ini memberi gambaran bahawa dalam ketegasannya, Sultan Alau'd-Din juga seorang yang pemaaf.

Mengikut Prinsip Kerasulan, baginda juga kaya dengan sifat Insan Khalifah, kerana baginda telah menjalankan tanggungjawab dengan mengambil tindakan walaupun yang telah melakukan pembunuhan itu golongan bangsawan. Baginda telah menunaikan tanggungjawab memikul amanah menjaga rakyat. Membunuh ialah satu jenayah yang besar dalam Islam, dan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Sebagai pemerintah, memegang amanah sebagai pelindung nyawa rakyatnya. Dengan memastikan semua pembunuhan dilaporkan ke Melaka, maka dapat dibendung pembunuhan yang tidak berasas. Baginda telah memastikan nyawa manusia dihargai sebagaimana yang disarankan dalam Islam.

Sifat Insan Khalifah Sultan Alau'd-Din juga dikisahkan seterusnya apabila baginda telah meneruskan dasar perluasan kuasa yang dimulakan oleh Sultan Muzaffar Shah dan ayahandanya Sultan Mansur Shah. Antara negeri yang menjadi jajahannya ialah Aru dan Kampar. Di bawah pemerintahan baginda, pemerintahan Kerajaan Melaka lebih bersifat telus dan berpandukan hukum Islam. Hukum Kanun Melaka yang dimulakan oleh Sultan Muzaffar Shah dilaksanakan dengan ketat dan serius serta menyeluruh di bawah pemerintahan baginda.

Kisah terakhir mengenai Sultan Alaud-Din ialah pada akhir kisah Membunuh Tanpa Memberitahu Ke Melaka, iaitu baginda telah meninggalkan wasiat untuk anaknya. Ketika kemangkatan Sultan Alaud-Din, tempatnya digantikan oleh Raja Mamad. Pada masa itu Raja Mamad masih lagi seorang kanak-kanak. Wasiatnya supaya Raja Mamad menggantikannya disampaikan di hadapan Bendahara Paduka Raja, Kadi, Paduka Tuan, Seri Nara Diraja, Temenggung dan Laksamana Hang Tuah.

Sifat Insan Rabbani nyata dimiliki Sultan Alau'd-Din. Seseorang Muslim wajib meninggalkan wasiat agar tidak berlaku kecelaruan selepas kematiannya. Wasiat Sultan Alau'd-Din juga ditujukan kepada para pembesar, kerana pada masa itu, Raja Mamad masih kanak-kanak dan perlukan bimbingan mereka. Kandungan wasiat baginda telah mengingatkan anaknya agar banyak bersabar dan tidak berdendam kepada rakyat. Baginda wasiatkan agar anaknya mendahulukan usaha untuk mencari akhirat, dan berserah kepada Yang Esa. Baginda juga mengingatkan anaknya agar tidak menganiaya atau memalukan rakyat. Wasiat ini jelas mengandungi pesanan yang sarat dengan akhlak Islamiah.

Pada masa itu juga, Sultan Alau'd-Din berpesan kepada Raja Mamad supaya Raja Mamad banyak bersabar dan memaafkan kesalahan hamba sahaya. Wajib diutamakan pekerjaan akhirat dari kerja dunia. Raja Mamad perlulah berserah diri atau bertawakal kepada Allah. Raja Mamad dinasihatkan agar jangan mengaibkan pesalah, kalau perlu bunuh, boleh dibunuh. Akhirnya, Raja Mamad dipesan agar patuh pada wasiat supaya dapat berkat Allah. Seperti Sultan Mansur, Sultan Alau'd-Din seorang yang berpandangan jauh dan bersifat tabligh. Peristiwa-peristiwa yang melibatkan Sultan Alau'd-Din wajar diambil sebagai contoh seorang pemimpin yang meletakkan kebajikan rakyat sebelum dirinya sendiri.

Penutup

Sulalatus Salatin merupakan sebuah teks di bawah genre sintesis yang bermaksud mempunyai unsur timbal balik Hindu dan Islam. Pada zaman Hindu-Buddha, raja-raja dianggap sebagai

dewa yang perlu disembah dan ditaati sepenuhnya, iaitu konsep “Raja berkuasa Mutlak”. Kedatangan Islam telah menegaskan lagi konsep daulat dan derhaka, tetapi harus mengikut wajaran Islamik dan tidak pada prinsip ketaatan yang tegar atau membuta tuli. Institusi diraja ditafsirkan sebagai pemegang amanah dan pemerintahan raja wajib bersifat adil dan berdaulat. Gagasan waadat iaitu raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah telah menjadi prinsip utama dalam perhubungan antara pemerintah dengan yang diperintah.

Tanggungjawab pemerintah mengikut garis panduan Islam telah mengikis konsep sifat kedewaan raja, dan digantikan dengan konsep raja sebagai khalifah di dunia yang memegang tanggungjawab ketua negara. Oleh demikian, raja tidak boleh dipersoalkan atau dihukum, tetapi pemerintahannya perlu diterima adalah adil dan bertunjangkan prinsip agama Islam. Prinsip ini penting kerana ia menjadi sumber rujukan dan pangkal asas pemerintahan Kesultanan Melayu.

Berdasarkan waadat, seseorang pemerintah diberi mandat memerintah rakyat tanah jajahannya. Pemerintah atau institusi diraja kini berperanan sebagai pelindung rakyat yang bukan hanya bertanggungjawab terhadap Penciptanya, tetapi juga sebagai pemegang amanah Penciptanya di bumi. Raja yang bertakhta wajib menjalankan amanah melindungi rakyat dengan memastikan kebajikan rakyat diutamakan.

Seseorang pemerintah yang ideal perlulah bertanggungjawab dan sentiasa mengambil berat mengenai kebajikan rakyatnya. Seperti yang tercatat dalam kitab *Adab as-Salam*, seseorang raja yang adil perlu mengetahui ehwal negerinya dan peri perbuatan para menteri, hulubalang dan pekerti rakyatnya. Secara peribadi, seorang raja haruslah teguh dalam agamanya, mendukung keadilan, dan bijaksana dalam membuat keputusan.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2006). Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia. Penerbit Profesional Baharu: Tanjung Malim.
- Abdul Halim Ali et.al. (2014). Teori Takmilah : Perluasan dan Penafsiran. Persatuan Penulis Budiman Malaysia : Batu Caves, Selangor.
- Abdul Halim Ali & Norazimah Zakaria. (2017). Seraut Wajah: Historiografi Melayu. Institut Peradaban Melayu UPSI : Tanjung Malim.
- Abdul Halim Ali (2009). Konsep Estetika Bersepadu : Terapan Dan Analisis Terhadap Karya-karya Puisi Ahmad Kamal Abdullah. Tesis doktor falsafah, UPSI
- Amirul Mohd Yusof, Norazimah Zakaria. (2021). “Ciri-Ciri Kepimpinan Dan Kesannya Dalam Tuhfat Al-Nafis Karya Raja Ali Haji” dlm International Journal Of Humanities, Philosophy And Language (Ijhpl)
- Jelani Harun. (2007). Ilmu Kesusasteraan Abad ke-21. Penerbit Universiti Sains Malaysi: Pulau Pinang.
- Kamariah Kamarudin. (2011). Takmilah dalam Novel Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Kamarul Mulminah Yusof & Zuliza Mohd Kusrin. (2015). Penambahbaikan Isi Kandungan Pendidikan Islam: Satu Tinjauan. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kasmaizun Enuni Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin. (2017). “Nilai-Nilai Islam Dalam Teks Misa Melayu” dlm Persidangan Antarabangsa Pertama Historiografi Melayu. Penerbit: Persatuan Penulis Budiman Malaysia
- Mana Sikana. (2009). Teori Sastera Kontemporari. Penerbit Pustaka Karya: Bandar Baru Bangi.

- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Norazilawati Abdullah, Mohd Amir Mohd Zahari, Dian Syahfitri, Norfaizah Abdul Jobar, Mohd Nazir Md Zabit. (2020). "The Use Of Multimedia Materials To Develop Higher Order Thinking Skills In Writing Of Bahasa Melayu Essay Among Orang Asli Primary School Students" in Solid State Technology. Volume: 63 Issue: 6
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Norazimah Zakaria, Abu Zarrin Selamat dan Norfaizah Abdul Jobar. (2021). "Metafora Sebagai Kritikan Sosial Dalam Pantun Membentuk Nilai Insan" dlm International Journal Of Creative Industries (Ijcrei)
- Maniyamin Ibrahim. (2005). Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam. Karisma Publications: Shah Alam.
- Maniyaman Ibrahim. (2009). Konteks Sastra Dan Budaya Melayu. Karisma Publications: Shah Alam.
- Mardiana Nordin. (2015). Peperangan di dalam Sulalatus Salatin, Siri Keenam Wacana Sulalatus Salatin. Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia
- Norazimah Zakaria. (2016). Kanon Melayu. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Lajiman Janoory, Mohd Amir Mohd Zahari and Abdul Halim Ali. (2021). "Author's Ethics In The Writing Of Traditional Malay Literature" in Psychology And Education (2021) 58(2): 2497-2506
- Nurul Shuhada Abdul Aziz1, Norazimah Zakaria. (2021). "Kajian Awal Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Menggunakan Multimedia Dalam Pembelajaran Teks Sulalatus Salatin" dlm International Journal Of Modern Education (Ijmoe)
- Shafie Abu Bakar. (2000). Nilai Dan Sastra Dalam Teori Takmilah. Seminar Teori Sastra Islam: Kaedah Dan Penerapannya. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Shaharir Mohamad Zain. (2013). "Perkembangan Teori Kepemimpinan Islam-Melayu di Pascabima sejak Kedatangan Islam hingga Kini" dlm International Journal of the Malay World and Civilisation. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bandar Baru Bangi.
- Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu. (1977). Shellebear, W.G.(peny). Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sulalatus Salatin @ Sejarah Melayu. (1996). A.Samad Ahmad (peny). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zakaria, Norazimah et al. (2018). "Sejarah Melayu Sebagai Lambang Tradisi Akal Budi Bangsa Yang Tinggi" dlm *Jurnal Melayu Sedunia*, [S.l.], v. 1, n. 1, p. 191 – 209, sep. ISSN 2637-0751. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayusedunia/article/view/13389>
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, M., & Mohd, F. H. (2019). Mythical Elements Based on Traditional Malay Literature Text. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, (1997), 78–87. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.26007>
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Nur Farakhanna Mohd Rosli, Azhar Wahid and Ani Omar. (2020). "Malay Authors Strategies in Displaying the Intelligence of the Figures and Its Effects in Traditional Malay Literary Texts" in *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. www.ijicc.net Volume 11, Issue 5
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Harun, Hasrina Baharum and Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin. (2020). "The Universality of the Similarities and Differences between Malay and Chinese Mythologies" in *TEST Engineering and Management Journal*. March-April 2020. P.1543 – 1548
- Zakaria, N., Mohamad Hanapi, M. H., Alizah Lambri, Nordiana Hamzah and Normarini Norzan. (2019). "The Beauty And Benefits Of Proverbs As A Symbol Of The Mind" in *Journal of Advance Research in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issue-07

Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). “Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu”. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 01-12. DOI: 10.35631/IJMTSS. 312001